

Newspaper	Sinar Harian
Date	11 December 2015

# Kejayaan milik Umno

Sinar Harian - 11/12/2015

Mahathir menegaskan tidak pernah ambil kredit sendiri atas kejayaan dikecapi

**KUALA LUMPUR** - Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad bersejua dengan ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa parti berkenaan berjaya memajukan negara ini.

Namun begitu selaku individu yang pernah menjawat jawatan Presiden Umno, beliau tidak pernah menyatakan perkara itu adalah kejayaan miliknya.

"Saya setuju dengan ucapannya bahawa Umno telah berjaya majukan negara kita ini sehingga ada doktor dan pakar dalam pelbagai bidang."

"Itu kejayaan Umno. Umno berjaya tapi jangan ambil kredit kejayaan, seolah-olah itu kejayaan kita sendiri. Saya pun tak pernah ambil kredit," katanya ketika ditemui media selepas ucapan dasar presiden sempena Perhimpunan Agung Umno 2015, semalam.



Mahathir diserbu media dan orang ramai ketika waktu rehat pada Perhimpunan Agung Umno 2015, semalam.

Dalam ucapannya itu, Najib menyatakan selama puluhan tahun di bawah kepimpinan Umno yang menjadi tonggak kerajaan, pelbagai kejayaan telah diraih dan dinikmati.

Beliau berkata, antara ke-

jayaan itu adalah dasar pendidikan negara sehingga melahirkan ratusan ribu graduan yang cemerlang yang akhirnya menjadi cendekiawan, para teknokrat, ulama dan usahawan cemerlang.

"Realitinya, ikhtiar Umno

selama ini telah merubah landskap kehidupan orang-orang Melayu dan Bumiputera kepada yang lebih baik ataupun disebut mobiliti sosial yang berlaku secara menegak dalam tempoh hanya satu generasi.